



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM FOODUNITES: INI WARISAN KITA**

TEMA

MAKAN SAMA-SAMA EDISI NASI LEMAK

29 OKTOBER 2023 (AHAD)

2.00 PETANG

I-CITY, SHAH ALAM, SELANGOR

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana sama-sama kita berkumpul bagi meraikan **Program Foodunites** anjuran Kementerian Perpaduan Negara di bawah inisiatif Ini Warisan Kita.
2. Untuk makluman semua, Kerajaan pada masa kini, amat menekankan keperluan meneliti faktor asas iaitu sejarah, ketamadunan dan warisan kepelbagaian masyarakat Malaysia dipertimbangkan dalam segenap aspek penggubalan dan pelaksanaan dasar.

PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

Hadirin yang saya hormati,

3. Kita semua sedia maklum, Persekutuan Malaysia dibentuk dengan gabungan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Penggabungan ini menyaksikan pertambahan **masyarakat dengan identiti kepelbagaian kaum, budaya, agama dan adat resam** yang diikat atas persetujuan kontrak sosial untuk hidup bersama.
4. Kita juga telah menerima fakta sejarah yang setiap kaum di Malaysia sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan kaum-kaum lain mempunyai **adat dan budaya** tersendiri dan telah membentuk kepelbagaian yang kaya dan unik dalam masyarakat.
5. Oleh itu, adalah **penting untuk kita semua memahami sejarah, ketamadunan serta warisan negara** dalam usaha melahirkan rakyat yang mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara yang tinggi sekali gus mengukuhkan semangat perpaduan.

PROGRAM INI WARISAN KITA

Hadirin yang dihormati,

6. Sebagai menghargai kekayaan warisan dan khazanah kepelbagaian etnik negara, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Program Ini Warisan Kita** pada **Jun 2023** yang lalu. Ini Warisan Kita merupakan salah satu inisiatif Kementerian dalam usaha **melestarikan warisan dan khazanah negara** yang kaya merangkumi kepelbagaian adat dan budaya etnik serta kemajmukan dari segi kepercayaan dan latar bahasa.
7. Antara aspirasi dan hasrat utama inisiatif Ini Warisan Kita adalah untuk:
 - (i) Memelihara dan memulihara kepelbagaian warisan negara yang menjadi tunjang kepada perpaduan;
 - (ii) Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepelbagaian warisan negara;
 - (iii) Mengukuhkan semangat toleransi dan kebersamaan dalam masyarakat pelbagai kaum; dan

8. Ini Warisan Kita mengetengahkan elemen etnisiti, bahasa, permainan tradisi, kesenian & alat muzik, budaya dan adat resam serta **kepelbagaian makanan** yang merupakan warisan rakyat Malaysia.

PROGRAM CITARASA MENU KAMI

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan Program Citarasa Menu KAMI yang mengetengahkan premis makanan yang **menghimpunkan detik-detik perpaduan melalui variasi hidangan pilihan makanan** rakyat Malaysia. perincian pelaksanaan dan kriteria program ini adalah meliputi tindakan yang perlu dilakukan seperti berikut:

- Membuat penilaian beberapa premis makanan berdasarkan kriteria yang ditetapkan dari **segi menu makanan yang pelbagai**, diuruskan oleh latar belakang kaum berbeza, kunjungan pelbagai kaum dan persekitaran yang berunsurkan Malaysia;

- Mengenalpasti **tiga (3) premis makanan (kafe atau restoran) di setiap negeri** yang mencerminkan perpaduan kaum;
- Pemberian **sijil pengiktirafan berserta plaque** “Citarasa Menu KAMI”

MAKAN SAMA-SAMA EDISI NASI LEMAK

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Rentetan daripada usaha tersebut, kini kita bersama-sama dalam segmen yang melibatkan makanan warisan masyarakat Malaysia. Segmen Foodunities: Ini Warisan Kita adalah usaha baru untuk mengetengahkan **menu kegemaran masyarakat Malaysia** iaitu **Nasi Lemak** dengan **tema makan sama-sama**.
11. Tema makan sama-sama merupakan simbolik kepada **kebersamaan kita mencipta peluang untuk perhubungan antara warisan budaya yang berbeza di Malaysia** dan merangsang pemahaman, toleransi dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat semua.

12. Mungkin ada yang tertanya-tanya mengapa kita memulakan segmen Foodunites: Ini Warisan Kita dengan Nasi lemak. Ini kerana **Nasi Lemak merupakan makanan ruji yang amat digemari rakyat Malaysia** bukan sahaja dari kaum Melayu yang merupakan pelopor sejarah penghasilan nasi lemak, namun kini nasi lemak adalah makanan pilihan utama pelbagai kaum di negara ini.

13. Nasi Lemak dinikmati tidak mengira waktu sama ada pagi, tengah hari atau pun malam. Dengan pelbagai variasi lauk yang sesuai selera **menjadi kegemaran semua rakyat** di negara ini tidak kira dari kaum Cina, India, Kadazan, Bajau, Iban dan Dayak mahupun Baba Nyonya serta ramai lagi. Tidak dinafikan juga popularitinya menjadi salah satu **identiti makanan Malaysia yang terkenal dalam kalangan pelancong luar negara.**

14. Kerajaan juga sentiasa berusaha mengangkat identiti makanan Malaysia sebagai simbol khazanah warisan negara. Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) menghantar **pencalonan Budaya Sarapan Malaysia ke Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) pada Mac lepas.** Malaysia menyetujui tentang budaya makanan sarapan yang menjadi kebiasaan

rakyat di negara ini **antaranya nasi lemak, roti canai dan teh tarik.**

15. Saya difahamkan Program Foodunites: Ini Warisan Kita pada kali ini telah mengumpulkan lebih daripada **sebelas (11) nasi lemak paling popular dan viral di Lembah Klang.** Antaranya termasuklah Nasi Lemak Village Park, Nasi Lemak Goreng Chef Fauzey, Nasi Lemak Pak Nasser, Nasi Lemak Saleha, Nasi Lemak Vegetarian Ru Yi dan banyak lagi.
16. Pada hari ini juga kita berjaya **mencipta sejarah** dengan **mencatat rekod dalam Malaysia Book of Rekod** sebagai ***“The most nasi lemak sold in a day”***. *Syabas dan tahniah buat semua.*
17. Saya berharap agar usaha ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat kita khususnya dalam **mengenali warisan kita melalui makanan.** Ini juga merupakan usaha untuk mengiktiraf dan menghargai keunikan adat budaya warisan setiap kaum yang merupakan aset negara.
18. Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan **terima kasih dan penghargaan kepada rakan strategik perpaduan** yang menjayakan program

Foodunities: Ini Warisan Kita antaranya Tan Sri Lim Kim Hong dari **I-City Shah Alam** yang menyediakan kemudahan lokasi program ini, Majlis Bandaraya Shah Alam dan lain-lain lagi rakan strategik yang menyumbang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan program ini.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

19. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua telah menjadikan **misi perpaduan dapat dijayakan** iaitu untuk **mencipta tapak integrasi** bagi membolehkan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum sama-sama berkumpul **mengedarkan mesej kesedaran dan kefahaman terhadap budaya dan warisan masyarakat Malaysia yang unik**. Saya akhiri ucapan dengan serangkap pantun:

*Nasi lemak buah bidara,
Sayang selasih hamba lurutkan,
Mari teman mari saudara,
Demi kasih kukuhkan perpaduan.*

20. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan penutupan Program Foodunites: Ini Warisan Kita. Makan Sama-sama Edisi Nasi Lemak** pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.